

● DARI MUKA 10

bidang politik, maka adalah wajar untuk kita merangka kerjasama dan perpaduan di bidang sosio-ekonomi.

Lebih tepat lagi, eloklah kita luaskan kerjasama di arena politik itu ke bidang perdagangan dan perindustrian, supaya pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dapat dicapai sepenuhnya pada tahun 1990. Dalam konteks ini, sukalah saya menjelaskan bahawa saya tidak menentang supaya Permodalan Nasional Berhad dan Multi-Purpose Holding, misalnya, mengadakan usahasama secara besar-besaran mulai hari ini.

Gagasan yang optimis ini akan hanya terlaksana sesudah Dasar Ekonomi Baru ber-

jaya. Bata permuannya, adalah wajar sekiranya M.C.A. dan masyarakat Cina yang menyedari tanggungjawab sosialnya, supaya berusaha membantu menyediakan program memberi peluang latihan, bimbingan ataupun pemindehan kepada Bumiputera.

Apa yang suka saya sarankan ialah, kalau seseorang Bumiputera ingin mempelajari selok-belok serta rahsia 'mengelurka' keahlian misalnya, maka saya harap masyarakat Cina akan membantu Bumiputera berkenaan dalam bidang pengeluaran bahan makanan ini, dengan penuh kerelaan hati.

Segitu juga kalau seseorang Bumiputera itu ingin mempelajari cara-cara mengetuk, mengecat serta memperbaiki kereta, janganlah pula Bumiputera itu hanya dibimbing dalam bidang membuka dan memasang skru sahaja. Kedua-dua contoh ini kecil bunyinya, tetapi dalam tempoh jangka panjang implikasi dan akibatnya dari segi pencapaian hasrat Dasar Ekonomi Baru, adalah besar.

Apabila Dasar Ekonomi Baru sudah terlaksana dan berjaya, saya yakin kerjasama dan kesediaan ini boleh diperluaskan, umpamanya di bidang usahasama antara Kop-Bersatu dan Multi Purpose Holding. 'Joint venture' ini bukannya untuk berlawan dengan organisasi perdagangan atau perniagaan, tempatan, hanya merupakan lanjutan lojik pencapaian hasrat Dasar Ekonomi Baru.

Usahasama sebegini

bukan sahaja akan memberi kemampuan kepada kita membeli saham-saham asing yang besar. Malahan, kita akan dapat mengembeleng segala tenaga, kepakaran dan kemudahan dan pendedahan kepada pengalaman teknik-teknik pengurusan moden.

Saya menimbulkan perkara keahlian dan Kop-Bersatu dan Multi Purpose Holding, semata-mata untuk menggariskan kesungguhan masyarakat Bumiputera untuk mempelajari sesuatu selok-belok perniagaan demi kepentingan jangka panjang kita bersama. Saya juga sengaja menyebut perkara ini kerana response MCA dan masyarakat Cina terhadap semangat Dasar Ekonomi Baru selama ini masih dituduh oleh beberapa pihak tertentu sebagai samar-samar sehingga terdapat tuduhan bahawa masyarakat Cina sebenarnya berpura-pura, sunggupun mereka mendakwa pihaknya turut menyumbang peranan dalam menajatkan pelaksanaan dasar tersebut.

Kepada saya sendiri dan kepada pucuk pimpinan Kerajaan dan Barisan Nasional percaya bahawa kononnya MCA khususnya berpura-pura dalam menghayati semangat Dasar Ekonomi Baru itu, adalah tidak benar. MCA adalah parti politik yang sentiasa akan bertanggungjawab sosialnya. Saya juga yakin tuduhan seperti ini adalah tidak benar, kerana masyarakat Cina terkenal sebagai satu masyarakat yang praktikal dan

pragmatik.

Kemenangan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum, April lalu ialah satu kemenangan yang membanggakan kita semua. Kemenangan Barisan Nasional ialah kemenangan MCA juga.

Oleh itu gunakanlah kemenangan ini sebagai satu alat yang bolehlekat kita semua menghayati apa juga dah tuhan, kerana yang syak-wasangka yang selama ini dilemparkan kepada parti MCA sendiri khususnya dan kepada kesemua Parti-parti Komponen Barisan Nasional lainnya. Janganlah kita dijadikan kemenangan itu sebagai senjata yang memakan tuannya.

MCA seharusnya mengawal keberanian atau 'excitement' partinya dari mencipta isu-isu menerusi sebaran am, sekiranya isu itu boleh dicari penyelesaianya menerusi perundingan dan perbincangan. Isu-isu yang kononnya menjadi faktor-faktor kepada kejewjudan apa yang dikatakan 'Dilema Cina' di Malaysia sekarang umpamanya, tidak wajar dihebah, diheboh dan diperit-laungkan di seluruh dunia, kerana implikasinya sudah tentu menimbulkan prejudis terhadap Kerajaan, di mana MCA sendiri adalah salah satu parti yang mendukungnya.

M.C.A. wajar berwaspada dengan kenyataan serta perbuatan mereka supaya tidak pula dieksploatasikan oleh pembangkang, terutama DAP yang kononnya juga menjadi jaguh dan juara kepada masyarakat Cina di

Malaysia ataupun ansir-anasir anti Nasional.

Kekalahan teruk DAP sendiri dalam Pilihanraya Umum yang lalu membuktikan bahawa masyarakat Cina kini mempunyai suara yang lantang dan jitu bahawa mereka tidak akan sekali-kali menerima politik perkamaan.

Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada MCA di atas kemenangannya membanteras dan menghapuskan pengaruh DAP dengan penuh kejayaan, dalam lingkungan perjuangan bersama lain-lain parti dalam Barisan Nasional.

Saya juga merasa bangga dan mengahatkan tahniah

peribadi saya kepada Presiden Kebangsaan MCA, Datuk Lee San Choon yang telah menjadi 'Giant Killer' menumpaskan DAP di Seremban.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada keseluruhan ahli MCA kerana hasil kerjasama dengan Barisan Nasional, MCA dan Barisan Nasional mencapai kemenangan yang cemerlang.

Kekuatan MCA adalah sebab kita dari kekuatan Barisan Nasional. Sama-samalah kita pilihlah kekuatan ini supaya rakyat berterusan memberi mandat kepada kita untuk mendahiri negara dengan bersih, cekap dan amanah. Dengan kata-kata tersebut, saya dengan bangga memaikan Perhimpunan Agung MCA kali ke-30.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia